

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 5 December, 2019 3:28 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pemilihan Jawatankuasa Baharu ISS-UUM 2019/2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 DISEMBER 2019 / 8 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: ISS UUM

PEMILIHAN JAWATANKUASA BAHARU ISS-UUM 2019/2020



UUM ONLINE: Pemilihan Jawatankuasa UUM International Students Society (ISS-UUM) 2019/2020 yang baharu telah berlangsung di DKG 2/1, kelmarin yang menyaksikan Omar Al-Jamili dilantik sebagai Presiden ISS-UUM, manakala Timbalan Presiden, Khalid Ahmed Mohamed; Setiausaha, Ansab Azam Khan dan Bendahari, Silva Nisrina Arij Tuo.

Berucap pada ISS Election, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Presiden dan semua ahli-ahli Jawatankuasa yang baru dipilih.

“Teruskan berganding bahu dan bekerjasama menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin dalam pasukan yang dilantik dan membantu UUM.

“Sebagai pelajar antarabangsa anda juga merupakan duta kepada UUM di negara asal masing-masing untuk menarik lebih ramai rakan-rakan senegara melanjutkan pelajaran di UUM,” katanya.

Setakat ini, pelajar antarabangsa mencatatkan jumlah seramai 2,311 orang yang datangnya dari 54 negara. 10 negara yang mempunyai pelajar teramai antaranya Indonesia, China, Pakistan, Nigeria, Yamen, Somalia, Thailand, Jordan dan Bangladesh.

Daripada jumlah itu, mereka terdiri daripada 1,071 pelajar sarjana muda manakala 1,240 pelajar pasca siswazah.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.